

Permohonan PPP dapatkan kerusi pilihan raya dipertimbang

KUALA LUMPUR 6 Okt. — Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya sedang mempertimbangkan permohonan Parti Progresif Penduduk (PPP) untuk mendapatkan kerusi pada pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, perkara itu perlu dibin-

cangkan dengan parti-parti komponen lain dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN.

Ini kerana, kata beliau, semua parti dalam BN termasuk UMNO juga mahukan tambahan kerusi selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengemukakan persempadanan semula bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Yalah, semua parti minta tambah, bukan PPP sahaja. Kita timbanglah. UMNO juga minta,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung PPP Ke-49 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau mengulas permintaan Presiden PPP, Datuk M. Kayveas yang berharap pucuk pimpinan BN memperuntukkan kerusi kepada parti komponen itu pada pilihan raya umum akan datang.

Permintaan itu dibuat ketika Kayveas menyampaikan ucapan pada majlis perasmian perhimpunan tersebut.

Dalam resolusi parti sempena perhimpunan agung itu, PPP memohon supaya diperuntukkan sebanyak 12 kerusi Parlimen dan 21 kerusi Dewan Undangan Negeri di seluruh negara.

Kajian semula

Pada 8 Ogos lalu, SPR mengumumkan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah.

Sebanyak 25 kerusi Parlimen dan 59 kerusi Dewan Undangan Negeri baru diwujudkan bagi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri memberitahu, adalah menjadi amalan BN setiap keputusan yang hendak dicapai perlu mendapat persetujuan dari seluruh parti komponen terlebih dahulu.

Mengulas cadangan PPP supaya hanya satu parti sahaja diwujudkan bagi mewakili bangsa Malaysia, Dr. Mahathir menjelaskan, cadangan itu agak sukar untuk dilaksanakan pada masa ini.

Menurut beliau, perkara itu juga perlu mendapat konsensus daripada 14 parti yang berada dalam BN.

“Ada parti yang mewakili satu kaum. Ada yang menerima semua kaum. Ada yang terbuka kepada semua kaum tetapi majoritinya terdiri daripada satu kaum.

“Perkara ini masih kompleks. Ini perlu mendapatkan pandangan daripada parti-parti komponen,” jelasnya.

Ditanya mengenai cadangan PPP supaya kaum bukan bumiputera yang lahir selepas 31 Ogos 1957 diberikan taraf bumiputera, katanya, ia juga perlu mendapat pandangan daripada parti-parti komponen BN.

“Ia terpulang kepada parti-parti komponen BN lain untuk mengkaji cadangan itu.